

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

SOALAN NO. 34

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana rundingan Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura berhubung pengoperasian Rumah Api (Light House) yang masih dikendalikan oleh Singapura di Pulau Pisang di mana pulau tersebut merupakan hak milik Malaysia.

JAWAPAN

1. Pulau Pisang adalah sebuah pulau milik Malaysia di Selat Melaka dan terletak di bawah pentadbiran Pejabat Tanah Pontian. Kedudukannya kira-kira 23 km dari Kukup dengan keluasan Pulau Pisang 446 ekar (178.4 hektar). Pulau Pisang merupakan pulau terbesar selain Pulau Tunda, Pulau Kemudi dan Pulau Sauh yang terdapat di sekitarnya.

2. Melalui persetujuan *indenture* yang telah ditandatangani pada 6 Oktober 1900 antara Sultan Ibrahim iaitu Sultan Johor pada ketika itu dengan James Alexander Swettenham, Gabenor Negeri-Negeri Selat yang mewakili Kerajaan British, Kerajaan Johor telah menyerahkan sebahagian kecil tanah di Pulau Pisang bermula dari pantai hingga ke Rumah Api kepada Kerajaan Inggeris.

3. Berdasarkan *indenture* tersebut, Singapura sebagai pewaris Negeri Selat telah mentadbir sebahagian kecil tanah dari pantai ke Rumah Api tersebut yang berjumlah 2.25 ekar. Secara umumnya, keluasan 2.25 ekar tersebut hanyalah 0.5% dari keseluruhan keluasan Pulau Pisang yang diuruskan oleh Singapura bagi maksud pengurusan dan kawal selia Rumah Api oleh *Maritime and Port Authority of Singapore* (MPA) melalui dua (2) orang pekerja Rumah Api yang bertugas secara bergilir-gilir. Perjanjian *indenture* tersebut masih sah dan terpakai sehingga kini bagi maksud pengurusan dan kawal selia Rumah Api sahaja dan tidak melibatkan hak milik kedaulatan pulau. Oleh yang demikian, kedaulatan Pulau Pisang adalah hak milik Malaysia dan tidak perlu dipertikaikan lagi oleh mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.